



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## PEMBELAJARAN ABAD KE-21: IMPLIKASI TERHADAP SIKAP, MOTIVASI DAN PENCAPAIAN BAHASA MELAYU MURID SEKOLAH MENENGAH

*LEARNING THE 21ST CENTURY: THE IMPLICATION OF ATTITUDE,  
MOTIVATION AND PERFORMANCE IN MAIAY LANGAUAGE FOR  
SECONDARY SCHOOL STUDENTS*

V. Ravindran M. Veloo<sup>1</sup>, Adenan Ayob<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak  
Email: kavinthanu@yahoo.com

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak  
Email: adenan@fbk.upsi.edu.my

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 10.07.2020

Revised date: 15.11.2020

Accepted date: 08.12.2020

Published date: 13.12.2020

#### To cite this document:

Veloo, V. R. M., & Ayob, A. (2020). Pembelajaran Abad Ke-21: Implikasi Terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 5 (37), 331-349.

DOI: 10.35631/IJEPC.5370027.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Kajian yang dijalankan bertujuan mengenal pasti pengaruh pembelajaran abad ke-21 terhadap sikap, motivasi, dan pencapaian murid dalam pembelajaran Bahasa melayu. Kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran pembelajaran yang penting dan sangat diperlukan oleh pelajar untuk berdaya saing pada abad ini. Pelbagai elemen dapat dikaitkan dalam kemahiran abad ke-21 ini. pelbagai elemen diperlukan pada zaman teknologi ini. Elemen ini meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran sains dan teknologi, kemahiran berfikir, kemahiran interpersonal, kemahiran intrapersonal, kemahiran 3m (membaca, mengira dan menulis), dan sebagainya. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. seramai 377 orang pelajar tingkatan empat aliran sains dan sastera daripada lima buah sekolah menengah kebangsaan di Zon Bangsar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipilih sebagai sampel kajian. sampel kajian dipilih secara rawak mudah. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif, iaitu min dan sisihan piawai untuk melihat pengaruh pembelajaran abad ke-21 terhadap tahap sikap, motivasi, dan pencapaian pelajar. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pengaruh pembelajaran abad ke-21 banyak memberi kesan positif kepada sikap, motivasi, pencapaian pelajar ketika mempelajari bahasa melayu. Implikasi kajian ialah pembelajaran abad ke-21 memberi kesan positif kepada sikap dan motivasi pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

**Kata Kunci:**

Sikap, Motivasi, Pencapaian Pelajar, Pembelajaran Abad Ke-21, Pembelajaran Bahasa Melayu

**Abstract:**

The study aims to identify the impact of 21st century learning attitudes, motivation, and achievement of students in Malay language subjects. 21st-century skills are an important learning skill and are much needed by students to be competitive in this century. Various elements can be attributed to these 21st-century skills. various elements are needed in this age of technology. These elements include communication skills, science, and technology skills, thinking skills, interpersonal skills, intrapersonal skills, 3m skills (reading, counting, and writing), and so on. This survey study uses a questionnaire as a research instrument. A total of 377 forms four science and literature stream students from five national secondary schools in Bangsar Zone, Federal Territory of Kuala Lumpur were selected as the study sample. the study sample was selected at simple random. Data were analysed using descriptive analysis, i.e. mean and standard deviation to see the influence of 21st century learning on student attitudes, motivation, and achievement. The results showed that the influence of the 21st century much a positive impact on attitudes, motivation, achievement when students learn the Malay language. In conclusion 21st century learning a positive impact on students' attitudes and motivation to increase their performance in learning the Malay language.

**Keywords:**

Attitude, Motivation, Achievement, Learning 21st Century, Learning Malay Language

## Pengenalan

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) menjana dan melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS). Di samping memberi penekanan kepada kemahiran3M iaitu membaca, mengira dan menulis, kemahiran baru seperti sains dan teknologi, kemahiran komunikasi, kemahiran interpersonal dan intrapersonal juga diambil kira. Kementerian Pelajaran Malaysia telah membangunkan satu gagasan pendidikan atau “Blueprint” mengenai hala tuju pendidikan negara sehingga tahun 2025. Gagasan pendidikan ini dikenali sebagai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). PPPM memberi penekankan terhadap mentransformasi pendidikan negara. PPPM ini menggariskan lima aspirasi sistem dan enam aspirasi murid, yang ditunjangi oleh sebelas anjakan utama.

Antara anjakan yang terkandung dalam pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah seperti kesamarataan akses dalam pendidikan bertaraf antarabangsa. Selain itu melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai. Transformasi keguruan sebagai profesi pilihan, memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah dan memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di negara ini.

Kesamarataan pendidikan kepada setiap murid yang berada di Malaysia menjadi tunjang PPPM. Matlamatnya, tidak kira di mana kedudukan geografinya, budayanya dan bangsanya, serta sosio ekonominya akan diberi keutamaan. Manakala kualiti pendidikan yang diterima dan

yang akan dibangunkan adalah berdasarkan kualiti pengajaran yang berkesan untuk mentransformasi pendidikan ke arah abad ke-21. Justeru itu, dalam PPPM ini fokus juga terarah kepada usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran sekolah. Caranya dengan memperkuuhkan amalan terbaik sedia ada. Disamping itu memberikan ganjaran kepada guru berkualiti dalam bentuk laluan kerjaya yang lebih baik untuk mereka.

Dalam melahirkan generasi pemangkin negara yang ideal, Kemahiran Pembelajaran PAK21 secara tidak langsung telah diberi perhatian oleh KPM. Kajian D'Andrea dan Daniels (2002), mendapati bahawa standard pelajar di abad ke-21 adalah memerlukan kemahiran baharu yang lebih berdaya saing dan berjaya dalam dunia pendidikan dan kehidupan seharian.

Pada era globalisasi ini proses pengajaran Bahasa Melayu di dalam bilik darjah perlu merangkumi pelbagai teknik (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012). Pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 adalah antara kebolehan yang perlu ada pada guru dan murid. Oleh itu , proses pembelajaran di dalam kelas perlu merangkumi literasi teknologi (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012). Selain itu pembelajaran kolaboratif, pendekatan pembelajaran berasaskan projek serta aplikasi pemikiran aras tinggi, termasuk pemikiran kritis untuk menganalisis dan menilai maklumat dalam menyelesaikan masalah perlu didahulukan.

KPM telah menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelan ini telah dilancarkan pada Oktober 2011 bagi mengkaji sistem pendidikan negara secara menyeluruh untuk meningkatkan aspirasi negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke 21. PPPM melalui tiga Fasa iaitu Gelombang 1 (2013-2015), Gelombang 2 (2016- 2020) dan Gelombang 3 (2020-2025) menyediakan pendidikan terbaik untuk semua murid termasuk Murid Berkeperluan Khas (MBK). Bagi menerapkan dan mengajar murid generasi Z, guru perlu memiliki serta menguasai sumber ICT; kedua-dua perkakasan dan perisian, dan kurikulum mesti direka bentuk untuk mempromosikan persekitaran pembelajaran berpusatkan murid yang akan dikaitkan dengan tindak balas. Justeru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu pencapaian dalam bidang pendidikan. Kurikulum sentiasa disemak, dipantau dan dikemas kini untuk memastikan ia sentiasa relevan dengan kehendak semasa.

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang menguasai Kemahiran Abad Ke-21, fokus utama diberikan kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Pembelajaran abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid .Antaranya merangkumi sikap berdaya tahan dan berupaya bersaing pada peringkat global. Penguasaan murid dalam Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dalam Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah menyumbang kepada pemerolehan Pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan murid.

Profil murid yang diberi fokus utama ialah mereka mestilah berdaya tahan. Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi dan bersifat empati. Selain itu seseorang murid perlulah mahir berkomunikasi. Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi. memiliki Pemikir yang tinggi membolehkan mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika.

Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu. Akhir sekali mereka mesti mempunyai kebolehan konsep bekerja Sepasukan. Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama-sama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

Rakyat Malaysia perlu menguasai pelbagai kemahiran asas dalam bidang pendidikan. Di samping itu latihan yang kukuh serta pelbagai kemahiran umum termasuk kebolehan dalam berkomunikasi, menguasai pelbagai bahasa, berfikiran kritis dan berinovatif perlulah diutamakan. Penekanan dalam menguasai kemahiran abad ke21 dalam proses pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) harus bermula. Penerapan konstruk pembelajaran abad ke-21 dalam proses PdPc akan menyemarakkan proses pembelajaran. Oleh itu, kurikulum pendidikan termasuk kurikulum Bahasa Melayu harus sentiasa mengikuti peredaran zaman. Ini akan memastikan murid yang akan tamat persekolahan bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan malah menguasai pembelajaran abad ke-21 bagi menghadapi cabaran era globalisasi pada masa ini.

Dalam menghadapi cabaran ini juga, guru perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Guru-guru perlu proaktif, sentiasa mengikuti perkembangan semasa, memahami perkembangan teknologi, mempunyai sifat berani, mahu mencuba, inovatif, tekun, amanah, dan sedia belajar bagi memastikan kualiti guru selaras dengan yang diperlukan dalam pembelajaran abad ke-21 (Adenan Ayob, 2018). Guru wajar memiliki pengetahuan, kemahiran, yang selari dengan perkembangan pengetahuan pembelajaran abad ke-21. Penyataan masalah Pendidikan adalah suatu proses yang dinamik dan profesion perguruan menuntut seseorang guru itu memiliki pengetahuan dan kemahiran yang tinggi (Parry & Urwin, 2011).

### Sorotan Kajian

Terdapat banyak kajian berkenaan dengan PdPc berteraskan pembelajaran abad ke-21 . Namun begitu tidak banyak kajian yang dilakukan untuk mengkaji sikap, motivasi dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran abad ke-21 dalam subjek Bahasa Melayu. Oleh itu, fokus utama kajian ini tertumpu kepada sikap, motivasi, dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran abad ke-21 yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Kita hidup dalam dunia yang disambungkan, dengan teknologi digital dan digital yang kuat secara literal di hujung jari kita, jadi tidak mustahak untuk menggabungkan perkara-perkara tersebut ke dalam pengalaman pembelajaran. Tetapi apabila saya bercakap mengenai peralihan ke pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, saya tidak bercakap terutamanya mengenai mengubah alat yang kita gunakan. Saya bercakap tentang mengubah cara yang paling guru mengajar hari ini-sama ada kerana mereka diajar untuk mengajar dengan cara itu atau kerana sistem akauntabiliti membuat mereka percaya mereka harus mengajar dengan cara itu. Daripada berfikir bahawa saya adalah "Guru" - pemberi pengetahuan yang berdiri di hadapan dalam kawalan penuh-bukannya pedagogi tradisional, kita memerlukan visi mengajar abad ke-21, di mana kurang sedikit ceramah guru dan ceramah pelajar, di mana yang saya lakukan adalah memikirkan bagaimana saya akan menarik kebanyakan anak-anak ini; bagaimana saya akan membolehkan pelajar-pelajar ini diberi kuasa; bagaimana saya dapat memastikan bahawa saya membuat kelas yang

bebas daripada ancaman dan tekanan, di mana mereka bersedia untuk mengambil risiko. Daripada saya mempunyai semua idea-idea yang telah dipelajari sebelum ini, mengatakan, dan menghasilkan, saya harus terbuka kepada apa yang saya dapati dalam setiap pelajar. Saya perlu menemui dan membantu setiap pelajar menemui-bakat dan minat mereka dan mewujudkan persekitaran pembelajaran di mana mereka boleh menggunakan hadiah dan nafsu untuk belajar dari kedudukan kekuatan.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), Standard Guru Malaysia, dan sebagainya menjadi panduan kepada sistem pendidikan di negara kita pada masa ini. Semua yang dihasratkan oleh KPM ini, semuanya bermatlamat untuk melahirkan modal insan kelas pertama, pelajar yang seimbang dalam pembelajaran dan kurikulum, serta melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM 1992) menggariskan yang paling asas untuk diperjuangkan oleh guru bagi memenuhi aspirasi negara.

Terdapat banyak kajian berkenaan dengan PdPc berteraskan pembelajaran abad ke-21. Namun begitu tidak banyak kajian yang dilakukan untuk mengkaji sikap, motivasi dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran abad ke-21 dalam subjek Bahasa Melayu. Oleh itu, fokus utama kajian ini tertumpu kepada sikap, motivasi, dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran abad ke-21 yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Kita hidup dalam dunia yang disambungkan, dengan teknologi digital dan digital yang kuat secara literal di hujung jari kita, jadi tidak mustahak untuk menggabungkan perkara-perkara tersebut ke dalam pengalaman pembelajaran. Tetapi apabila saya bercakap mengenai peralihan ke pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, saya tidak bercakap terutamanya mengenai mengubah alat yang kita gunakan.

Saya bercakap tentang mengubah cara yang paling guru mengajar hari ini-sama ada kerana mereka diajar untuk mengajar dengan cara itu atau kerana sistem akauntabiliti membuat mereka percaya mereka harus mengajar dengan cara itu. Daripada berfikir bahawa saya adalah "Guru" - pemberi pengetahuan yang berdiri di hadapan dalam kawalan penuh-bukannya pedagogi tradisional, kita memerlukan visi mengajar abad ke-21, di mana kurang sedikit ceramah guru dan ceramah pelajar, di mana yang saya lakukan adalah memikirkan bagaimana saya akan menarik kebanyakan anak-anak ini; bagaimana saya akan membolehkan pelajar-pelajar ini diberi kuasa; bagaimana saya dapat memastikan bahawa saya membuat kelas yang bebas daripada ancaman dan tekanan, di mana mereka bersedia untuk mengambil risiko. Daripada saya mempunyai semua idea-idea yang telah dipelajari sebelum ini, mengatakan, dan menghasilkan, saya harus terbuka kepada apa yang saya dapati dalam setiap pelajar. Saya perlu menemui dan membantu setiap pelajar menemui-bakat dan minat mereka dan mewujudkan persekitaran pembelajaran di mana mereka boleh menggunakan hadiah dan nafsu untuk belajar dari kedudukan kekuatan.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), Standard Guru Malaysia, dan sebagainya menjadi panduan kepada sistem pendidikan di negara kita pada masa ini. Semua yang dihasratkan oleh KPM ini, semuanya bermatlamat untuk melahirkan modal insan kelas pertama, pelajar yang seimbang dalam pembelajaran dan kurikulum, serta melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM 1992) menggariskan yang paling asas untuk diperjuangkan oleh guru bagi memenuhi aspirasi negara.

Kajian berkaitan dengan sikap pula pernah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini. Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014), menyatakan bahawa faktor diri sendiri merupakan faktor paling utama yang mempengaruhi seseorang untuk mempelajari sesuatu bahasa. Ini membuktikan bahawa, jika seseorang murid mempunyai sikap yang positif tentang kepentingan mempelajari bahasa ,sudah pasti mereka akan berusaha untuk mempelajari sesuatu bahasa itu dengan pelbagai cara. Sikap yang positif untuk mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua terbentuk daripada motivasi yang tinggi.

Menurut Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014), motivasi amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat menentukan hala tuju dan keberkesanan seseorang untuk mempelajari bahasa . Motivasi ini dilahirkan dalam bentuk insentif dan motif. Markah, gred, hadiah dan pujian merupakan contoh insentif yang disampaikan dalam bentuk ekstrinsik yang biasa dilakukan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, motif pula sejenis keinginan yang timbul akibat dorongan dalaman atau kecenderungan seseorang yang menggerakkan seseorang untuk bertindak bagi mencapai sesuatu matlamat

Kajian daripada Nurul Ain dan Azizi Yahaya(2012) memperoleh keputusan yang mana terdapat hubungan yang positif antara sikap dengan pembelajaran abad ke-21. Selain itu juga, kajian daripada Nur Khaizatul Fateha dan Zamri (2016) mendapat terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara sikap dan motivasi murid dengan pembelajaran abad ke-21. Kajian ini juga mendapat motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah menerapkan pembelajaran abad ke-21 pada keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi.

Kajian oleh Nurul Ain (2013) mendapat bahawa sampel kajiannya mempunyai pemikiran inteventif pada tahap sederhana tinggi. Menurutnya murid tidak berupaya untuk bersikap positif terhadap masalah yang sukar.Murid tidak dapat menyesuaikan idea dengan keadaan semas.Murid menghadapi kesukaran, berfikir pelbagai kaedah untuk menyelesaikan masalah dan menetapkan matlamat dalam pembelajaran. Mereka bermasalah dalam merancang strategi dalam pembelajaran KOMSAS dan kurang berkeyakinan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Beliau berpendapat bahawa hal ini kerana murid sudah biasa bergantung kepada guru semasa membuat keputusan dalam aktiviti PdPc disekolah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauh mana sikap, motivasi dan pencapaian dalam pembelajaran Bahasa Melayu dapat mempengaruhi pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Kebanyakan kajian menghuraikan berkenaan tahap PdPc dalam pembelajaran. Tidak banyak kajian yang dilakukan untuk mengkaji sikap, motivasi dan pencapaian murid dalam pembelajaran abad ke-21 dalam subjek Bahasa Melayu.

### Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif dalam kajian yang hendak dicapai, iaitu:

1. Mengkaji tahap sikap murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran pembelajaran abad ke-21.
2. Mengkaji tahap motivasi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran pembelajaran abad ke-21.
3. Mengkaji tahap pencapaian murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah menerapkan kemahiran pembelajaran abad ke-21.

## Metodologi

Reka bentuk kajian merupakan aspek perancangan yang sangat penting dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Reka bentuk kajian yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. pengkaji menjalankan tinjauan ke atas sampel atau keseluruhan populasi untuk menggambarkan sikap, pendapat, tingkah laku, atau ciri-ciri dalam populasi tersebut. sampel diambil bertujuan untuk memberikan informasi yang cukup supaya dapat menggambarkan jumlah populasinya.

Pengkaji memilih sekolah menengah di daerah tanah merah kerana lokasi ini berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji. oleh hal yang demikian ini bertepatan dengan faktor kewangan, keterbatasan masa dan juga tenaga. Berdasarkan jumlah populasi di kawasan kajian yang dijalankan, saiz sampel adalah ditentukan dengan merujuk kepada jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). menurut Krejcie dan Morgan (1970), jika populasi berjumlah 1100 orang, maka sampel sekurangkurangnya 285 orang. Walau bagaimanapun, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada 500 orang murid, iaitu melebihi jumlah populasi untuk menguatkan lagi dapatan kajian. namun begitu, daripada 500 soal selidik yang diedarkan, pengkaji hanya menerima 377 soal selidik sahaja. aras signifikan yang ditetapkan dalam kajian ini adalah  $\alpha = < 0.05$ .

Bagi memudahkan proses pemerolehan data untuk kajian ini, instrumen soal selidik telah dipilih. soal selidik diadaptasi daripada kajian nur khazinatul fateha (2017). setelah dibuat kajian rintis, nilai alpha cronbach yang diperoleh ialah 0.098. hal ini bermakna item soal selidik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. semua data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science* (SPSS) versi 20.0. Analisis deskriptif telah digunakan bagi mengenal pasti taburan kekerapan, sisihan piawai, dan purata bagi kajian ini.

## Dapatan Kajian

Kajian ini melibatkan 377 orang murid di lima buah sekolah menengah kebangsaan di zon bangsar ,wilayah persekutuan kuala lumpur .sample kajian yang terdiri daripada murid aliran sains dan sastera. soal selidik diedarkan kepada sebuah buah kelas aliran sains dan sebuah kelas aliran sastera bagi setiap sekolah. jadual 1 menunjukkan gred yang diperoleh oleh pelajar di lima buah sekolah, iaitu seramai 86 orang iaitu (21.22%) orang pelajar lelaki dan perempuan mendapat gred a, 184 orang iaitu (48.80%) mendapat gred b, dan seramai 64 orang iaitu (16.97%) sahaja yang mendapat gred c dan seramai 43 orang murid mendapat gred d iaitu (11.40%) gred a , b,c,dan d diperoleh daripada pelajar aliran sains dan sastera.. jumlah keseluruhan sampel adalah 377 orang yang mengambil subjek bahasa melayu tingkatan empat mengikut borang soal selidik yang diperolehi.

**Jadual 1: Profil Demografi Dan Pencapaian Sampel Kajian**

Kategori	Jumlah N	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	158
	Perempuan	219
Gred Bahasa Melayu	A	86
		21.22

B	184	48.80
C	64	16.97
D	43	11.40
Aliran	Kelas Sains	163
		43.23
	Kelas Sastera	214
		56.76

N=377

### Tahap Sikap Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Setelah Diajar Pembelajaran Abad Ke-21

Hasil kajian mendapati bahawa tahap sikap murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan pembelajaran abad ke-21 pada keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan Jadual 2, analisis data kajian menunjukkan empat item memberikan interpretasi min yang sangat tinggi dan 12 item memberikan interpretasi min yang tinggi berkenaan sikap murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan pembelajaran abad ke-21 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Item 1, 2, 3, 4, 5, 6, 9, 10, 11, 12, 14, dan 15 memberikan skor min antara 4.274 hingga 4.379 yang menunjukkan sikap murid pada item-item berkenaan berada pada tahap tinggi. Item 7, 8, 13, dan 16 masing-masing memberikan skor min 4.68, 4.80, 4.80 dan 4.80 yang menunjukkan sikap murid bagi keempat-empat item ini berada pada tahap yang sangat tinggi. Sikap murid pada item 7 ialah min = 4.68, sp = .488, item 8 ialah min = 4.80, sp = 0.397, item 13 ialah min = 4.80, sp = 0.395 manakala item 16 pula ialah min = 4.80, sp = .395. Min keseluruhan ialah min = 4.58 dan sp = .461

### Jadual 2: Tahap Sikap MURID Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Setelah Diterapkan Pembelajaran Abad Ke-21

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
1.	Ilmu Bahasa Melayu Saya Gunakan Setiap Hari	4.53	.499	Tinggi
2.	Bahasa Melayu Membuat Saya Seronok Belajar	4.56	.496	Tinggi
3.	Saya selalu memberi sepenuh tumpuan semasa Pdpc Bahasa Melayu.	4.53	.499	Tinggi
4.	Saya pasti menyiapkan tugas Bahasa Melayu yang diberi guru	4.56	.497	Tinggi
5.	Saya tertarik terhadap pengajaran guru Bahasa Melayu membantu saya meningkatkan minat saya terhadap Bahasa Melayu.	4.64	.495	Tinggi
6.	Saya rasa hampir semua topik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.	4.62	.496	Tinggi
7.	Bahasa Melayu mengandungi aktiviti yang dapat menggalakkan murid meneroka dan menyelidik.	4.68	.488	Sangat Tinggi
8.	Bahasa Melayu mengandungi aktiviti yang dapat menggalakkan murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif.	4.80	.397	Sangat Tinggi
9.	Guru Bahasa Melayu saya selalu menggalakkan			

saya untuk berfikir dan memberi pendapat.	4.59	.490	Tinggi
10. Guru Bahasa Melayu sentiasa memberi informasi tentang kerjaya dalam bidang Bahasa Melayu.	4.68	.463	Tinggi
11. Bahasa Melayu menjadikan saya bersedia untuk menghadapi cabaran teknologi abad ke-21.	4.69	.461	Tinggi
12. Saya rasa ilmu Bahasa Melayu penting untuk memartabatkan Bahasa Melayu pada tahap yang lebih tinggi.	4.68	.464	Tinggi
13. Saya bekerjasama dengan ahli kumpulan dalam semua keadaan semasa pdpc Bahasa Melayu.	4.80	.395	Sangat Tinggi
14. Saya selalu berkongsi idea dan maklumat dengan kumpulan lain mengenai pembelajaran Bahasa Melayu.	4.70	.492	Tinggi
15. Saya akan mengemukakan idea KBAT kepada kawan berkaitan tugas Bahasa Melayu.	4.79	.407	Tinggi
16. Saya membuat penilaian terhadap proses perancangan tugas Bahasa Melayu yang diberi sehingga menyiapkan tugas tersebut.	4.80	.395	Sangat Tinggi
Min Keseluruhan	4.58	.461	Tinggi

### Tahap Motivasi Murid terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Setelah Diterapkan Kemahiran Abad Ke-21

Hasil kajian mendapati bahawa tahap motivasi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan kemahiran abad ke-21 pada keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan Jadual 3, analisis menunjukkan tiga item yang memberikan interpretasi min yang sangat tinggi dan 13 item memberikan interpretasi min yang tinggi berkenaan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan pembelajaran abad ke-21 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Item 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 9, 11, 12, dan 13 memberikan skor min di antara 4.21 hingga 4.35 yang menunjukkan motivasi murid pada item-item berkenaan berada pada tahap tinggi. Item 8, 10 dan 14 menunjukkan interpretasi min sangat tinggi. Ketiga-tiga item ini menunjukkan nilai min yang hampir sama, iaitu 4.78, 4.77 sebanyak dua kali dan nilai sisihan piawai .473.

### Jadual 3: Tahap Motivasi Murid terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Setelah Diterapkan pembelajaran Abad Ke-21

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
1.	Saya berminat dan tertarik dalam mempelajari teknik dan kemahiran baru dalam pembelajaran Bahasa Melayu	4.64	.479	Tinggi
2.	Saya memberanikan diri untuk bertanya guru semasa pembelajaran Bahasa Melayu walaupun terdapat kesalahan yang saya lakukan	4.56	.496	Tinggi
3.	Saya selalu mendapat pujian dan galakan serta dorongan daripada guru dalam pembelajaran Bahasa Melayu	4.62	.485	Tinggi

4.	Saya merasa bangga apabila dapat menyelesaikan tugas dalam aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu	4.57	.495	Tinggi
5.	Penguasaan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu membuatkan rakan-rakan senang untuk berdamping dengan saya untuk berkongsi maklumat	4.58	.492	Tinggi
6.	Saya bersungguh-sungguh mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu untuk mendapat perhatian rakan dan guru	4.58	.493	Tinggi
7.	Kemudahan-kemudahan peralatan ict yang digunakan dalam pembelajaran meningkatkan minat saya untuk belajar bahasa Melayu	4.57	.494	Tinggi
8.	Saya sering mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu untuk meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu	4.78	.413	Sangat Tinggi
9.	Saya sentiasa bersikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu walaupun sukar dan di luar kebolehan saya	4.57	.494	Tinggi
10.	Saya sentiasa berusaha untuk menyesuaikan idea asal mengikut perubahan semasa dalam pembelajaran Bahasa Melayu	4.77	.418	Tinggi
11.	Saya selalu berfikir akan pelbagai perspektif dalam menyelesaikan isu-isu mengenai Bahasa Melayu.	4.54	.498	Tinggi
12.	Saya sentiasa menetapkan matlamat dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	4.61	.488	Tinggi
13.	Saya merancang strategi yang sesuai pembelajaran Bahasa Melayu.	4.63	.483	Tinggi
14.	Saya akan menjadi mentor ahli kumpulan untuk meningkatkan kefahaman dan minat mereka terhadap pembelajaran Bahasa Melayu ahli	4.77	.420	Sangat Tinggi
15.	Saya bertindak sebagai ketua dan pengikut pada masa sama dalam menyiapkan tugas Bahasa Melayu	4.64	.479	Tinggi
16.	Saya akan pastikan tempoh masa menyiapkan tugas Bahasa Melayu seperti yang ditetapkan.	4.63	.480	Tinggi
<hr/>				
	Min Keseluruhan	4.33	.473	Sangat Tinggi

### **Tahap Pencapaian Mujrid terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Setelah Diterapkan Pembelajaran Abad Ke-21**

Hasil kajian mendapati tahap pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap yang agak memuaskan atau melepas sasaran sekolah setelah guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran abad ke-21. Data yang diperoleh secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Berdasarkan Jadual 4, analisis menunjukkan item yang keempat dan keenam memberikan interpretasi min yang sangat tinggi dan empat item memberikan interpretasi min yang tinggi berkenaan tahap pencapaian murid dalam Bahasa Melayu selepas menerapkan konstruk pembelajaran abad ke-21. Item 1, 2, 3, dan 5 memberikan skor min antara 4.44 hingga 4.54 yang menunjukkan

motivasi pelajar pada item-item berkenaan berada pada tahap tinggi. Item 4 menunjukkan interpretasi min sangat tinggi, iaitu min = 4.71, sp = .453, manakala item keenam pula menunjukkan Min= 4.86, sp=.342. Keseluruhan Min ialah sebanyak 4.63 dan sisihan piawai pula ialah sebanyak .462.

Rumusannya, pencapaian murid dalam Bahasa Melayu setelah diterapkan pembelajaran abad ke-21 oleh guru Bahasa Melayu ialah sangat tinggi. Hal ini bermakna pembelajaran abad ke-21 amat berkesan dalam mempengaruhi pembelajaran murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pembelajaran abad ke-21 membantu meningkatkan pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Ini menjadi suatu petanda baik bagi memastikan Bahasa Melayu sebagai bahasa global.

#### **Jadual 4: Tahap Pencapaian Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Setelah Diterapkan Pembelajaran Abad Ke-21**

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
1.	Saya selalu berjumpa guru dan bertanya banyak soalan semasa Pdpc Bahasa Melayu untuk menguasai mata pelajaran tersebut dengan baik.	4.52	.496	Tinggi
2.	Saya menetapkan target yang tinggi untuk mencapai keputusan cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	4.55	.497	Tinggi
3.	Saya senantiasa berbincang tentang pencapaian di dalam peperiksaan Bahasa Melayu.	4.56	.496	Tinggi
4.	Keluarga dan rakan sering memberi sokongan Untuk saya mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Melayu.	4.71	.453	Sangat Tinggi
5.	Saya telah menetapkan visi yang jelas dalam kehidupan untuk mencapai kecemerlangan di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	4.59	.491	Tinggi
6.	Penghargaan dan hadiah yang diberikan menggalakkan saya lebih gigih berusaha dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	4.86	.342	Sangat Tinggi
Min Keseluruhan		4.63	.462	Tinggi

#### **Perbincangan**

#### **Sikap Murid, Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Pembelajaran Abad Ke-21**

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa interpretasi min bagi sikap Murid tingkatan empat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan pembelajaran abad ke-21 secara keseluruhannya adalah tinggi. Hal ini demikian kerana murid mendapati ilmu Bahasa Melayu berguna kepada mereka. Murid juga mempercayai kebanyakan topik dan subtopik dalam subjek Bahasa Melayu dapat diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Di

samping itu, ilmu daripada pengajian Bahasa Melayu dapat membantu memartabatkan bahasa Melayu di tahap yang lebih tinggi. Ramai murid seronok dalam mempelajari ilmu Bahasa Melayu kerana pengajaran dari guru itu sendiri membantu mereka dalam meningkatkan minat mereka terhadap Bahasa Melayu. Selain itu, mata pelajaran Bahasa Melayu mengandungi aktiviti yang dapat menggalakkan murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Malahan menggalakkan mereka untuk meneroka dan menyelidik bersama guru dan kumpulan rakan. Murid juga bekerjasama dengan ahli kumpulandalam semua keadaan semasa pembelajaranberlangsung. Mereka selalu berkongsi idea dan maklumat dengan kumpulan lain mengenai pembelajaran Bahasa Melayu. Kebanyakan Murid selalu menyiapkan tugasan Bahasa Melayu yangdiberikan kepada mereka dan mereka juga memberi perhatian semasa aktiviti PdPc berlangsung di dalam kelas.

Guru Bahasa Melayu juga sering memberi peluang kepada mereka untukberfikir dan memberi pendapat serta idea yang bernalas dalam sesuatu hal dalam aktiviti PdPc dan mereka merasakan mata pelajaran ini menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran teknologi abad ke-21 seiring dengan mereka yang sentiasamenerima maklumat tentang kerjaya mereka dalam bidang bahasa Melayu melalui guru mereka. Dapatkan ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Jerie dan Zamri (2011). Dapatkan mereka menunjukkan bahawa sampel kajian mempunyai sikap yang positif dalam mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas.

Menurut Zamri (2011)lagi , ada banyak faktor yang perlu diberi perhatian oleh setiap guru Bahasa Melayu ketika mengajar murid. Kemajuan tahap kognitif yang di miliki murid masa kini amat menakjubkan. Antara faktor utama yang dapat menarik minat murid mempelajari Bahasa Melayu dalam abad ke-21 ini ialah persediaan guru Bahasa Melayu.Apabila guru membuat persiapan yang rapi sebelum mengajarsudah pasti memenuhi aspirasi murid.Antaranya bahan pengajaran, buku rekod mengajar. Semasa mengajar pula guru mestilah melengkapkan diri dengan “subject metter”atau pengetahuan, pedagogi, penyebatian dan lain-lain. Seterusnya selepas mengajar guru perlulah memeriksa dan memberi komen, latihan pengukuhan dan lain-lain. Selain itu guru perlulah mempunyai kaedah penyoalan guru Bahasa Melayu. Segala Jenis soalan yang diajukan, bentuk soalan, respons guru terhadap jawapan atau soalan murid, pengukuhan yang guru berikan, dan lain-lain berkaitan cara penyoalan. Seterusnya guru perlulah memberi kaedah pedagogi Bahasa Melayu yang sesuai. Guru perlulah mempelbagaikan kaedah pengajaran guru. Kaedah yang dimaksudkan itu sama ada berpusatkan guru, berpusatkan murid ataupun berpusatkan bahan pengajaran. Jangan lupa juga penggunaan aplikasi ICT dalam PdPc Bahasa Melayu. Penggunaan aplikasi ICT terkini dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu seperti e-kumpulan, e-bincang, portel pemebelajaran, blok bahasa melayu ,pembelajaran atas talian, laman web dan lain-lain. Guru juga perlu mengambil kira kepelbagaian murid yang ada di hadapan mereka. Setiap guru Bahasa Melayu perlu mengambil kira bahawa di dalam kelas Bahasa Melayunya, murid mempunyai pelbagai latar belakang, sosioekonomi keluargayang berbeza, emosi, kognitif dan pencapaian, jantina, dan demografi yang boleh mempengaruhi pengajaran guru.

Kajian oleh Rahim dan Sharifudin (2014) yang menjalankan kajian terhadap Murid orang asli juga menunjukkan majoriti mereka juga mempunyai sikap yang positif terhadap Bahasa Melayu. Dapatkan kajian daripada Nor Hashimah, Junaini dan Zaharani (2010) memperoleh dapatkan yang sama iaitu sampel kajian mempunyai sikap yang positif terhadap Bahasa Melayu. Begitu juga kajian Kamiliah Ayu (2015) yang mana Murid India dan Murid China dalam

sampel kajian mereka juga menunjukkan sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Rumusannya, hubungan sikap murid terhadap kemahiran abad ke -21 terhadap proses PdPc Bahasa Melayu adalah penting bagi memupuk minat. Kesediaan murid belajar Bahasa Melayu hanya akan tercapai jika sikap murid dapat dikuasai sepenuhnya oleh persediaan guru. Hal ini perlu diambil kira oleh guru dalam merancang sesuatu aktiviti PdPc. Perancangan dan mengambil kira kepelbagaian sikap murid di dalam bilik darjah, guru Bahasa Melayu dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid mempelajarinya dan ketika belajar Bahasa Melayu (Zamri, Ruslin & Mohamed Amin 2015). Sikap Murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu yang diterapkan pembelajaran abad ke-21 adalah sangat tinggi. Hal ini bermakna pembelajaran abad ke-21 memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran Murid. Mereka beranggapan seronok guru menerapkan pembelajaran abad ke-21 dalam PdPc Bahasa Melayu di dalam kelas.

### ***Motivasi Murid, Pembelajaran Bahasa Melayu dan Pembelajaran Abad Ke-21***

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, didapati bahawa interpretasi min bagi tahap motivasi murid tingkatan empat di sekolah menengah di Zon Bangsar, negari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah diterapkan pembelajaran abad ke-21 secara keseluruhannya adalah tinggi. Hal ini kerana, motivasi yang tinggi secara tidak langsung mendorong para murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas. Secara tidak langsung akan meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran ini. Mereka juga aktif dan sering bertanya akan guru semasa aktiviti PdPc berlangsung untuk menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu dengan baik.

Dapatkan menunjukkan bahawa apabila para murid mempunyai motivasi yang tinggi, maka mereka akan berminat dalam mempelajari teknik dan pembelajaran baru. Disamping itu takat keriangan yang tinggi mampu menyelesaikan tugas Bahasa Melayu dengan baik. Murid selalu menetapkan matlamat pembelajaran Bahasa Melayu secara tidak langsung. Mereka juga merancang strategi dalam pembelajaran untuk memantapkan lagi daya ingatan semasa memduduki peperiksaan. Para murid juga tidak malu atau segan untuk bertanya guru semasa pembelajaran dilaksanakan walaupun terdapat kesalahan yang mereka lakukan. Di samping itu juga, mereka selalu mendapat galakan dan dorongan daripada guru, keluarga, dan rakan untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Melayu. Tambahan pula, segala kemudahan peralatan yang digunakan dalam pembelajaran meningkatkan minat mereka untuk belajar dalam mata pelajaran tersebut.

Penguasaan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu membuatkan rakan-rakan senang untuk berdamping dengan mereka untuk bertanya soalan dan belajar berkumpulan. Dapatkan ini disokong berdasarkan kajian oleh Jerie dan Zamri (2011) yang mendapati bahawa sampel kajian mempunyai tahap motivasi yang tinggi dalam mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu. Mohamad Jackie et. al. (2016) menyatakan pengajaran berkualiti merangkumi kepelbagaian kaedah pengajaran dengan menggunakan kaedah yang terkini dan mengaplikasikan kaedah pengajaran secara hands-on. Para guru perlu menggunakan BBM yang bersesuaian dengan keperluan pelajar. Ini sudah tentu akan meningkatkan motivasi murid. Tumpuan kepada isi kandungan pengajaran hendaklah yang terkini mengikut perubahan persekitaran dan memperkembangkan serta mengubah aspek selain isi kandungan pengajaran

seperti perubahan terhadap kepercayaan, sikap dan nilai mengenai kerjaya keguruan, kanak-kanak dan strategi pengajaran. Beliau juga menyatakan motivasi merupakan sesuatu pengajaran yang berkualiti yang mana penilaian terhadap pengajaran dari segi perkembangan jasmani, emosi, rohani intelek dan sosial mampu meningkatkan motivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, menurut Mohamad Jackie et.al. (2016), menyatakan kurikulum yang digubal oleh kerajaan adalah sama tetapi isi kandungannya adalah berbeza berdasarkan tahap keupayaan, gaya pembelajaran dan minat kanak-kanak yang berlainan. Manakala semasa proses PdPc, aktiviti pengajaran guru seharusnya berdasarkan kepelbagaiannya kanak-kanak dalam aspek keupayaan, gaya pembelajaran dan minat.

Oleh hal yang demikian, Ahmad & Jinggan (2015) pula menyatakan guru seharusnya menggunakan teknik yang sesuai untuk membangkitkan motivasi murid dalam proses PdPc. Teknik soal jawab, tunjuk cara, menghafal, latihan dan latih tubi adalah teknik-teknik yang biasa digunakan oleh guru terhadap sesuatu mata pelajaran. Hakikatnya, murid akan mudah memahami apa yang hendak disampaikan oleh guru semasa proses PdPc dijalankan jika guru menguasai kaedah atau cara penyampaian dengan baik dalam pengajarannya. Sabilan (2014) menyatakan bahawa guru yang berusaha memahami gaya pembelajaran lebih awal, boleh menggunakan sebagai membaiki kelemahan murid dan menjadikannya sebagai asas untuk membina kekuatan pengajaran. Kadang kala ada kaedah pengajaran yang dirasakan sesuai tetapi masih tidak mampu meningkatkan pencapaian kesemua murid.

Di samping itu juga, kajian daripada Abdullah (2004) turut mendapati sampel kajian beliau mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua. Jenis motivasi yang diperoleh seperti sikap pembelajaran Bahasa Melayu, keinginan untuk mempelajari Bahasa Melayu dan motivasi instrumental sampel berada pada tahap yang tinggi. Zaliza dan Zaitul Azma Zainon (2013) juga mendapati bahawa sampel kajian mempunyai motivasi yang tinggi ketika mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga mereka. Faktor yang mendorong dan memotivasi para murid untuk mempelajari ilmu Bahasa Melayu adalah peranan yang dimainkan oleh tenaga pengajar itu sendiri. Faktor lain untuk menguasai Bahasa Melayu yang dapat membantu murid tersebut adalah dengan berkomunikasi dengan orang tempatan. Rumusannya, tahap motivasi murid adalah tinggi setelah guru Bahasa Melayu menerapkan pembelajaran abad ke-21 dalam PdPc. Hal ini secara tidak langsung meningkatkan motivasi mereka untuk terus belajar dan menguasai Bahasa Melayu dengan lebih baik.

### **Tahap Pencapaian Murid Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Setelah Menerapkan Pembelajaran yang Berteraskan Pembelajaran Abad Ke-21**

Murid bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri melalui inkuiri, serta bekerja bersama-sama untuk mengkaji dan membuat projek yang mencerminkan pengetahuan mereka. Selain memperolehi pencapaian yang cemerlang mereka juga dapat mengajar rakan sekelas. Pedagogi abad ke-21 memberi fokus terhadap kelancaran maklumat, media dan teknologi. Lantas murid perlu didekahkan penggunaan teknologi dalam cara inovatif untuk menyediakan murid dalam dunia dinamik dan sentiasa berubah-ubah. Murid yang aktif di dalam kelas sudah pasti mencapai keputusan yang baik.

Sehubungan itu, kemudahan ICT, termasuk media sosial dan alatan digital lain perlu dimanfaatkan. Maklumat diperlukan murid dalam kelas di hujung jari mereka. Guru perlu menerangkan bagaimana memperoleh dan menganalisis maklumat yang relevan dan berguna.

Dalam pembelajaran abad ke-21 ini, guru perlu sentiasa merefleksi pedagogi dilaksanakan dalam kelas supaya sentiasa sesuai dengan PdPc yang menyediakan murid dalam dunia kompleks serta dinamik yang dipengaruhi globalisasi dan revolusi teknologi digital. Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) juga harus dipandang serius. Ia merujuk empat tahap teratas dalam Taksonomi Bloom Semakan Semula, iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Kesemua kaedah ini akan menjamin seseorang murid untuk mencapai keputusan yang baik dalam subjek Bahasa Melayu.

Justeru, guru hari ini perlu bijak memupuk keupayaan murid untuk menganalisis, mensintesis dan menilai fakta serta maklumat, menggunakan kemahiran berfikir untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Pentaksiran pembelajaran abad ke-21 juga perlu berubah seiring pedagogi yang dilaksanakan. Ia tidak hanya berfokus aspek kognitif, tetapi memberi perhatian kepada psikomotor dan afektif.

Ini selari dengan falsafah pendidikan kebangsaan yang bertujuan mewujudkan insan seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Selaras dengan hala tuju pendidikan pada era baharu ini untuk memastikan kemenjadian murid berteraskan 4M, iaitu membaca, menulis, mengira dan manusiawi, kaedah pentaksiran tidak harus pada kertas jawapan ujian atau peperiksaan semata-mata. Kaedah lain seperti catatan refleksi dan temu bual boleh dilaksanakan. Ini sudah pasti akan memberi pencapaian yang tinggi.

Tahap pencapaian Murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu setelah menerapkan pembelajaran yang berteraskan pembelajaran abad ke-21 berada pada tahap yang tinggi. Ramai yang berenggapan aktif di dalam kelas akan mendorong kepada pencapaian yang cemerlang. Malah murid juga berfikir secara positif kerana mereka percaya tentang keupayaan diri untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Melayu. Mereka juga selalu memantau pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu yang diperoleh dalam peperiksaan penggal di sekolah.

### **Implikasi Kajian**

Pembelajaran abad ke-21 bukanlah satu amalan yang susah untuk diterapkan dalam pembelajaran di sekolah. Penggunaan teknologi di dalam kelas ditekankan dalam pembelajaran di sekolah pada abad ini. Hal ini demikian kerana kaedah penggunaan teknologi dalam PdPc memberi impak yang besar kepada murid untuk mengasah kepelbagaiannya pembelajaran. Antara kemahiran yang dapat diterapkan ialah komunikasi, kemahiran kerja berkumpulan, kemahiran pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan sebagainya. Kemahiran ini dapat membantu murid sewaktu PdPc di dalam kelas serta dapat diterapkan juga di alam pekerjaan selepas tamat persekolahan nanti. Pelaksanaan pembelajaran abad ke- 21 dalam pembelajaran Bahasa Melayu bukan sahaja memberi kepentingan kepada murid malah turut memberi impak yang positif kepada tenaga pengajar seperti guru. Kemahiran pembelajaran abad ke-21 amat penting dalam konteks pendidikan. Hal ini demikian kerana, teknologi pada zaman ini diperlukan bagi setiap murid mahupun guru untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

Oleh itu dicadangkan agar kajian lanjutan yang serupa turut dijalankan di sekolah-sekolah yang muridnya berbeza latar belakang dan demografi. Iaitu yang terdiri daripada murid etnik Cina, India, Melayu dan kaum-kaum lain. Kajian akan datang lebih bermakna sekiranya ia dapat digabungkan dengan kepelbagaiannya status murid. Mereka mestilah murid luar bandar, murid bandar, murid status ekonominya rendah, sederhana, dan tinggi. Apabila hal ini diambil kira dan menggabungkan reka bentuk kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang sejauh manakah tahap keberkesanan penerapan kemahiran pembelajaran abad ke-21 untuk murid yang mengambil subjek Bahasa Melayu di mana tidak dapat dicakupi untuk kajian terdahulu. Kajian ini hanya melibatkan murid tingkatan empat di lima buah sekolah sahaja dan merupakan satu skop lingkungan yang kecil.

### Kesimpulan

Sistem pendidikan kita maju setapak lagi apabila Kementerian Pendidikan (KPM) mengumumkan mulai sesi persekolahan mulai tahun 2020. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) akan diperkenalkan kepada murid Tingkatan Empat, menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Ia membabitkan pengubahsuaian pemilihan aliran Sains dan Sastera. Ini bermakna murid tidak perlu memilih salah satu aliran berkenaan, tetapi diberi peluang memilih satu daripada empat pakej mata pelajaran.

Mungkin ada yang bertanya mengapa perubahan ini berlaku? Adakah ianya melibatkan pembelajaran abad ke-21?. Sesungguhnya pelaksanaan KSSM bagi merealisasikan agenda Gelombang Kedua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2016 hingga 2020. Gelombang kedua ini akan memberi penekanan kepada pembangunan murid secara holistik. Di samping itu, pihak Kementerian Pendidikan mengambil peranan menyediakan pendidikan berkualiti bagi melahirkan murid abad ke-21 bertaraf dunia yang berfikiran kritis dan kreatif.

Langkah kementerian ini selari dengan sistem pendidikan di negara maju. Contohnya di negara Finland, murid tidak dipisahkan mengikut aliran Sains atau Sastera. Perbezaan pencapaian akademik dalam kalangan murid bukan isu penting. Guru yang terlatih, berkemampuan mengajar mempunyai kebolehan berbeza walaupun berada dalam kelas sama.

Model *student-centered* atau berpusatkan murid yang mereka gunakan membolehkan murid berupaya menyediakan “*set goal*” mengikut keupayaan dan kebolehan mereka sendiri. Kebiasaannya guru dan ibu bapa hanya sebagai mentor untuk murid membuat pilihan betul. Murid yang lemah pencapaiannya diberi bantuan dan sokongan, termasuk daripada aspek psikologi dan sosial. Bagi murid pintar atau berkebolehan tinggi akan disediakan bahan sokongan dan sumber tambahan supaya mereka dapat memaksimumkan keupayaan. Di negara maju, murid sekolah menengah lebih berminat memilih pendidikan berasaskan kemahiran. Sebagai contoh pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), teknikal dan vokasional, jika dibandingkan dengan bidang akademik sahaja.

Dalam aliran pendidikan itu, murid mempunyai banyak pilihan. Antaranya kemahiran robotik, automekanik, produksi media, teknologi maklumat (IT), elektronik, “*games design*”, kejuruteraan elektrik, reka cipta, sains sukan, reka bentuk grafik dan sebagainya. Pembelajaran ini dapat membina murid yang holistik dan sedia menghadapi persaingan. Murid berpeluang membuat pilihan lebih besar apabila melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi nanti. KSSM dilaksana secara berperingkat bermula 2017. iaitu ketika murid di Tingkatan Satu. Ini untuk menjadikan kurikulum kebangsaan lebih holistik dan relevan. Kurikulumnya berasaskan

mata pelajaran teras, subjek wajib, mata pelajaran tambahan dan elektif. Kerangka kurikulum berdasarkan lima tunjang. Lima tunjang ini merangkumi Komunikasi, Fizikal dan Estetika, Penampilan diri, STEM serta Kerohanian, sikap dan nilai. Keistimewaan yang terdapat dai dalam pelaksanaan KSSM membolehkan murid menentukan hala tuju dan bidang kerjaya diminati lebih awal. Mereka berpeluang memilih satu daripada empat pakej ditawarkan iaitu tiga pakej STEM serta pakej Sastera dan Kemanusiaan. Pelaksanaan KSSM akan mewujudkan suasana pembelajaran menyeronokkan, sekali gus melahirkan generasi berfikiran kritis dan kreatif. Ini bersesuaian dengan matlamat negara untuk melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi pada masa hadapan.

Justeru, berdasarkan hasil dapatan pemerhatian dan soal selidik, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa penerapan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Abad ke21 banyak memberi manfaat kepada murid. Manfaat ini bukan sahaja kepada subjek Bahasa Melayu dengan lebih baik malahan kepada pelaksanaan KSSM. Walaupun terdapat beberapa murid yang masih lemah, namun secara keseluruhannya, pencapaian murid sama ada melalui latihan yang diberikan dalam kelas dan melalui peperiksaan menunjukkan peningkatan yang sangat baik terutama dari segi menghuraikan isi, memberikan contoh, mengembangkan idea, memberikan pendapat dan sebagainya. Kesimpulannya, pembelajaran ini banyak memberi manfaat kepada murid, dan para guru harus mengamalkan teknik pengajaran dan pembelajaran Abad ke-21 dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauh mana sikap, motivasi, dan pencapaian dalam pembelajaran Bahasa Melayu dapat mempengaruhi pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan murid menengah atas, iaitu murid tingkatan empat. Sikap murid, motivasi dan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berada padatahah yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa murid bersikap positif dengan penerapan konstruk pembelajaran abad ke-21. Selain itu, guru dan murid dapat mengenal pasti tahap kelemahan dan kekurangan terhadap penguasaan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan murid dengan melihat tahap sikap, motivasi dan tahap pencapaian.

Selain itu, kajian ini juga dapat membantu guru untuk merancang kaedah pengajaran yang lebih kreatif dan inovatif, menarik serta mempunyai ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 seperti yang ditekankan oleh KPM. Oleh itu, perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran perlu menitikberatkan penguasaan pembelajaran abad ke-21 dengan mengadakan lebih banyak aktiviti yang berpusatkan murid dan mendedahkan mereka dengan kehendak global pada masa kini, di samping meningkatkan kemahiran insaniah murid untuk menghadapi cabaran dalam dunia sebenar tidak kira dunia pekerjaan mahu pun hal-hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan dan komuniti.

## Rujukan

- Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad (2012). *Kaedah pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Adenan Ayob (2018). Pedagogy and Multimedia Integration System Model for Writing. *International Journal of Management, Business and Research*, 8(2), 181-188.
- Ambotang, A. S., & Gobalakrishnan, S. (2017). Tahap Integriti dan Kesediaan Guru dengan Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, Vol. 2(4) (Jun, 2017), 1-22.

- Amran, N., & Rosli, R. (2017). Teachers' Understanding in 21st Century Skills. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan.
- Ariffin, N. A., & Yunus, F. (2017). Kesediaan Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan KBAT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.
- Azmi, M. N., & Nurzatulshima. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Kesediaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk dan teknologi (RBT) di Sekolah Rendah. International Research Journal of Education and Sciences (IRJES), Vol.1 Special Issue 1 (Malay). eISSN2550-2158.
- Buletin Anjakan. (April, 2015). Ciri-ciri Pembelajaran Abad ke-21. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, p.2.
- Buletin Anjakan. (Mei, 2015). Ciri-ciri Guru Abad 21. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, p.2.
- Carlgren. T. (2013). Communication, Critical Thinking, Problem Solving: A Suggested for All High School Students in the 21st Century. Interchange, 44, 63-81.
- Ibrahim, A. R., Mahamod, Z., & Mohamad W. M. R. R.W. (2017). 21st Century Learning and the The Influence of Attitude, Motivation, and Achievements Malay Language Secondary School Student. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, Vol. 7(2), (Nov. 2017): 77 – 88. ISSN:2180-4842.
- Kamiliah Ayu Ab. Ghani. 2015. Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Bahasa Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamiliah Ayu Ab. Ghani. 2015. Strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Bahasa Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. *Kelima, 2016*, 373-392. kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025. <https://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Langworthy, M. (2013). 21st Century Learning Design: Learning that matters. Retrieved from [https://www.internationalpublishers.org/images/pressreleases/EducationalPublishing/m\\_langworthy.pdf](https://www.internationalpublishers.org/images/pressreleases/EducationalPublishing/m_langworthy.pdf)
- Masyuniza Yunos. 2015. Hubungan sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 5 (2) Nov.: 22- 30
- Masyuniza Yunos. 2015. Hubungan sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2) Nov.: 22-30.
- Nur Khazinatul Fateha Kamarruddin & Zamri Mahamod. 2016. Sikap, motivasi dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar Bahasa Melayu. Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Pendidikan Kesusastraan Melayu Kali Kelima, 2016, 373-392.
- Nur Khazinatul Fateha Kamarruddin & Zamri Mahamod. 2016. Sikap, motivasi dan Osman, B. H. A., & Basar, M. N. (2016). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal*

Penyelidikan Dedikasi. Jilid 10. *Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Pendidikan Kesusasteraan Melayu Kali Ketiga.*

Puteh, S. N., Ghazali, N. A., Tamyis, M. M., & Ali, A. (2012). Keprihatinan Guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (Malay Language Teachers' Concern in Implementing Critical and Creative Thinking Skills). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. ISSN: 2180-4842. Vol. 2(2), (Nov. 2012): 19-31 19.

Rahim, N. A., & Abdullah, A. H. (2017). Kesediaan Guru Matematik Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Proses Pembelajaran dan Pengajaran Abad Ke-21. *Isu-isu Pendidikan Kontemporari*. ISBN 978-967-0194-68-4. UTM, Skudai.

Ramlee Mustapha & Abu Abdullah. 2004. Malaysia transitions toward a knowledgebased economy. *The Journal of Technology Studies, Education*, (3): 51-62. <http://www.fep.um.edu.my.html> (17 November 2016).

Salehudin, N. N., Hassan, N. H., & Hamid, N. A. A. (2015). Matematik dan Kemahiran Abad Ke-21: Perspektif Pelajar. *Jurnal Pendidikan Matematik*. Vol. 3(1), 24-36. ISSN: 2231-9425.

The Denver Post. 2007. 21st century skills, [http://www.denverpost.com/opinion/ci\\_5868\\_241](http://www.denverpost.com/opinion/ci_5868_241) (17 November 2016).

Veloo, A., Krishnasamy, H. N., & Ali, R. M. (2015). Teachers' Knowledge and Readiness towards Implementation of School Based Assessment in Secondary Schools. *International Education Studies*; Vol. 8(11). 2015 ISSN 1913-9020, E-ISSN 1913-9039.

Walser, N. (2008). *Teaching 21st Century Skills*. Harvard Education Publishing Group. Retrieved from <http://hepg.org/hel/article/184>

Yunos, M. (2015). Hubungan Sikap dan Persepsi Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dengan Kemahiran Abad Ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol.5(2), (Nov.2015):22-30. ISSN:2180-4842.

Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, *Procedia-Social And Behavioral Sciences*, 134 (2014): 408-415.